

UMS tandatangani LoI bersama Institut Teknologi, Kolej Fukushima

NST 15.4.17 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Institut Teknologi, Kolej Fukushima, Jepun menandatangani satu Surat Niat (LoI) baru-baru ini bagi mengukuhkan lagi kerjasama, koordinasi dan perkongsian maklumat di dalam bidang kelestarian.

Majlis menandatangani LoI itu menyaksikan UMS diwakili Pengarah Pusat Pengurusan Eco-Campus, Prof. Madya Dr. How Siew Eng, manakala Kolej Fukushima, Jepun diwakili Presidennya, Takayuki Nakamura.

Majlis itu yang diadakan bertempat di Makmal Hotel, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakauan, UMS turut disaksikan bekas Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus yang pertama, Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul dan penyarah Kolej Fukushima, Prof. Madya Dr. Akiko Kato.

Terdahulu Dr. How berkata, Surat Niat itu merupakan satu langkah penting dalam meningkatkan tahap koordinasi kelestarian dan kerjasama di antara UMS dan Kolej Fukushima, Jepun.

Katanya, beberapa kerjasama telah digariskan untuk manfaat kedua-dua organisasi merangkumi



KENANGAN...Dari kiri Dr. Awangku Hassanal, Dr. How, Nakamura dan Dr. Akiko.

kerjasama dalam projek pendidikan, latihan, seminar, bengkel, persidangan dan pertukaran pelajar kakitangan serta aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan.

“Kerjasama ini membolehkan pihak UMS

berkongsi pengalaman bersama Institut Teknologi, Kolej Fukushima terutama pengalaman mereka ketika dalam proses pemulihan bencana dari tsunami dan kemalangan nuklear pada tahun 2011,” katanya.